

Mahathir yakin kereta Malaysia dapat sambutan

Oleh A. BAKAR ISMAIL

NAGOYA, Jumaat — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin kereta buatan Malaysia akan mendapat pasaran luas di Malaysia kerana modelnya lebih menarik dari yang diduga.

Keyakinan ini dinyatakan oleh beliau dalam jamuan makan malam yang diberikan oleh Syarikat Mitsubishi di sini malam ini.

"Saya yakin pada Mitsubishi, terutama kerana pengurusnya, Encik Kubo yang memberi perhatian berat dalam projek kereta buatan Malaysia," katanya.

Menurut Perdana Menteri, beliau telahpun melihat model kereta yang akan dibuat oleh Malaysia itu yang disifatkannya lebih menarik dari yang diduga.

Sementara itu, Presiden Syarikat Honda, Encik Kiyoshi Kawashima, berkata syarikatnya bangga dengan lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke kilangnya hari ini di samping penghormatan yang diberi kepada Honda menyertai projek membuat enjin kecil usahasama dengan HICOM.

Dua lagi syarikat Jepun menyertai projek itu ialah Suzuki dan Yamaha.

Perdana Menteri pula berharap agar penyeretaan syarikat itu akan mengeratkan hubungan, "bukan saja kerana hubungan itu berfaedah untuk Malaysia, tetapi juga untuk Honda."

Sempena lawatan Perdana Menteri, syarikat itu menghadiahkan lima motosikal polis dan sebuah kereta jenis terbaru berenjin turbo kepada Kerajaan Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir diberi sambutan hangat ketika tiba di kilang Honda. Para pekerja berpakaian seragam berbaris di kiri kanan jalan dengan mengibarkan bendera Malaysia dan Jepun.

Di pintu masuk pejabat kilang itu, sepanduk khas dalam Bahasa Malaysia berbunyi "Selamat datang — kami berbesar hati menerima kedatangan Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia".

Penggunaan Bahasa Malaysia yang pertama kali dilihat semenjak lawatan Perdana Menteri ke kilang-kilang Jepun, membuktikan industri kereta Jepun meletakkan perhargaan tinggi kepada Malaysia.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia